

10/09/1999

Penyelidikan perlu jadi budaya: PM

Zulkofli Jamaludin; Mohd Fuad Razali

BANGI, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta orang Melayu menjadikan penyelidikan dan pembangunan (R&D) sebagai budaya dan tidak menyembunyikan ilmu mereka.

Perdana Menteri berkata, orang Melayu bukanlah kurang pandai, tetapi mereka tidak mempunyai budaya penyelidikan dan pembangunan secukupnya untuk membangunkan ilmu yang ada.

"Jika ada sesuatu ilmu pada orang Melayu, mereka bukan saja tidak akan membangunkan ilmu itu, tetapi mereka biasanya menyembunyikan ilmu mereka.

"Jika dukun Melayu mempunyai ubat yang mustajab, maka disembunyikannya daripada pengetahuan orang lain.

"Mungkin anaknya diajar tetapi tidak sepenuhnya kerana bimbang yang menuntut akan lebih pandai daripada guru," katanya ketika merasmikan Pusat Teknologi Pintar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)-Malaysian Technology Development Corporation (MTDC), di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata, bangsa yang tidak mempunyai budaya R&D akan tertinggal dan tidak dapat menyesuaikan diri dengan perkembangan di sekitarnya.

Sambil melahirkan rasa kagum dengan pencapaian UKM, Dr Mahathir meminta syarikat tempatan bekerjasama dan memanfaatkan hasil penyelidikan serta kepakaran universiti tempatan.

Perdana Menteri berkata, rakyat dan syarikat tempatan perlu yakin dengan kebolehan universiti mencipta sesuatu yang baru dan memberi peluang seluasnya untuk mengguna hasil kajian serta ciptaan itu.

Serentak itu, beliau meminta universiti, agensi pusat dan syarikat swasta mencari jalan penyelesaian yang inovatif serta proaktif untuk menangani masalah berkenaan.

"Kesediaan syarikat tempatan menggunakan hasil penyelidikan dan ciptaan penduduk tempatan adalah sejajar dengan konsep persyarikatan Malaysia yang kita amalkan," katanya.

Pusat teknologi itu menyediakan ruang dan infrastruktur inkubasi teknologi serta khidmat perundingan dalam bidang bioteknologi dan pembangunan teknologi, termasuk perniagaan, pengurusan dan teknikal.

Turut hadir Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak; Naib Canselor UKM, Prof Datuk Dr Anuar Ali dan Ketua Eksekutif MTDC, Datuk Anuar Md Nor.

Dr Mahathir berkata, banyak hasil penyelidikan universiti tidak dapat dipindah atau dikomersilkan oleh swasta disebabkan pelbagai masalah, termasuk peraturan dalaman, birokrasi dan kekangan kewangan.

Beliau juga membangkitkan masalah ada beberapa pihak yang masih belum terbuka kepada perubahan baru di sekeliling mereka.

"Kita kurang menerima perubahan itu kerana apa saja perubahan dalam sesebuah masyarakat dianggap sebagai satu perkara sukar ditangani lebih-lebih lagi perkara berkehendakkan tindak balas dan memerlukan kita berfikir secara strategik," katanya.

Dr Mahathir berkata, hasil R&D boleh diguna untuk meningkatkan daya saing barangan atau teknologi keluaran Malaysia di pasaran tempatan serta antarabangsa.

"Untuk memperkuatkan tahap R&D tempatan, kita perlu meningkatkan pembangunan tenaga manusia. Tenaga pekerja, termasuk keluaran universiti mestilah mempunyai pelbagai kemahiran yang sentiasa diperlukan," katanya.

Perdana Menteri memberi contoh orang China yang menemui bahan letupan

tetapi hanya menggunakan bahan itu untuk membuat mercun dan dibakar ketika perayaan bagi menghalau hantu.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata apabila bahan letupan China itu diperolehi oleh Barat, ia digunakan untuk membuat peluru.

"Peluru itu dapat dilontar lebih jauh, bukan saja formula bahan letupan ditukar tetapi alat yang dapat melontar dengan lebih jauh dan tepat pada sasaran dicipta serta diperbaiki sepanjang masa.

"Ilmu bahan letupan dan kegunaannya pada masa dulu, sekarang dan potensi untuk masa depan dibukukan secara terperinci supaya penyelidik dapat mempelajarinya," katanya.

Dr Mahathir juga meminta universiti tempatan mengembangkan program ijazah lanjutan dan mengambil kira keperluan industri tempatan dan sektor yang kini mengembang di negara ini.

"Memang tidak boleh dinafikan bahawa program ijazah lanjutan yang teratur dan baik mutunya akan menentukan pencapaian dan hasil penyelidikan di sesebuah universiti," katanya sambil menambah dalam beberapa bidang pelajar tidak perlu ke luar negara kerana Malaysia sudah mempunyai kemampuan.

(END)